

Surat khabar: Utusan Sarawak

Hari/Tarikh: 10/11/2016

Muka surat: 11

Tajuk : Bakti bantu pelajar UNIMAS

Bakti bantu pelajar UNIMAS

KUALA LUMPUR: Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti) semalam menyerahkan sumbangan Geran Derma Pelajar Universiti Bakti bernilai RM50,000 kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Sumbangan disampaikan dalam bentuk cek oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Yang Dipertua Bakti kepada Naib Canselor UNIMAS Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi.

Geran derma itu bertujuan membantu pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan agar mereka dapat mencapai taraf pembelajaran yang lebih baik dan memperoleh keputusan cemerlang.

Mohamad berkata sumbangan berkenaan akan diberikan kepada pelajar yang memerlukan bantuan kewangan khususnya yang datang dari kawasan pedalaman dan luar bandar.

"Kita (UNIMAS) amat bersyukur kerana telah dipilih oleh Bakti untuk menerima sumbangan ini. Kita akan guna sumbangan sebaik mungkin untuk membantu pelajar dan jumlah bantuan yang diberi akan mengikut keperluan masing-masing."

katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian sumbangan itu di Bangunan Bakti Siti Hasmah, di sini.

Geran derma itu merupakan kali kedua diberikan kepada UNIMAS yang mana pada 2000, Bakti turut menyumbang sebanyak RM50,000 kepada universiti itu.

Selain UNIMAS, beberapa universiti lain juga menerima sumbangan daripada Bakti sejak 2006 hingga kini antaranya Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya yang masing-masing menerima RM20,000 manakala Universiti Pendidikan Sultan Idris mendapat sumbangan RM10,000. — Bernama

SUMBANGAN... Datin Seri Rosmah Mansor menyerahkan sumbangan geran derma pelajar universiti kepada Universiti Malaysia Sarawak

(UNIMAS) bernilai RM50,000 kepada Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi pada majlis penyerahan sumbangan tersebut di Bangunan Bakti semalam. Turut hadir Setiausaha Kehormat Bakti Datin Seri Khamarzan Ahmad Meah. • Foto BERNAMA



Disediakan oleh: Brenika Tawi
Bahagian Canselor